

LAPORAN TAHUNAN 2017

UNIT PUSAT SUMBER KKMM

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN

MULTIMEDIA MALAYSIA

1. VISI, MISI DAN OBJEKTIF

1.1. Visi

Menjadi pusat kecemerlangan maklumat terunggul di bidang teras iaitu komunikasi, multimedia, penyiaran, perfileman, industri muzik tempatan dan bidang berkaitan.

1.2. Misi

Memupuk dan membina pegawai-pegawai kementerian yang berilmu dan berpengetahuan bagi membolehkan mereka membuat keputusan terbaik serta menjalankan tugas ke taraf profesional.

1.3. Objektif

Menyediakan bahan rujukan dan bahan bacaan dalam pelbagai format yang komprehensif dan terkini serta perkhidmatan tambah nilai untuk memenuhi keperluan maklumat selaras dengan visi dan misi kementerian.

2. PERJAWATAN

2.1. Pusat Sumber KKMM dianggotai seramai 15 pegawai dan kakitangan iaitu seperti berikut:


JAWATAN/GRED	GRED	BILANGAN
Ketua Pusat Sumber	S48	1
Pustakawan Kanan	S44	1
Pustakawan	S41	1
Penolong Pustakawan Kanan	S32	1
Penolong Pustakawan	S29	2
Pembantu Pustakawan Kanan	S22	1
Pembantu Pustakawan	S22/S19	5
Pembantu Tadbir (P/O)	N19	1
Pembantu Operasi	N11	1
Penolong Pegawai Tadbir (SPS)	N29	1
JUMLAH		15

2.2. Berikut adalah maklumat pertukaran masuk dan keluar pegawai di sepanjang tahun 2017:

NAMA PEGAWAI & JAWATAN	TARIKH	PERTUKARAN
Puan Noor Hasni binti Hassan Penolong Pustakawan S29	8 Mei 2017	Bertukar masuk ke Pusat Sumber KKMM dari Mahkamah Persekutuan Malaysia, Putrajaya
Encik Mohd Fathi Asmawi bin Tajuddin Penolong Pustakawan S29	8 Mei 2017	Bertukar keluar ke Mahkamah Persekutuan Malaysia, Putrajaya
Puan Noor Fazila binti Md Saad, Pembantu Pustakawan S19	8 Mei 2017	Bertukar keluar ke Institut Pengupayaan Wanita Bagi Negara-negara Berkecuali NAM (NIEW), Putrajaya
Puan Sofiah binti Deraman	23 Januari 2017	Bertukar keluar ke Jabatan Penerangan Malaysia, Negeri Terengganu
Encik Zul Izmal bin Mohd Bakir	1 Ogos 2017	Bertukar ke Unit Pengurusan Rekod, Bahagian Khidmat Pengurusan KKMM

2.3 Carta organisasi Pusat Sumber sehingga 31 Disember 2017 adalah seperti yang dilampirkan.

CARTA ORGANISASI PUSAT SUMBER KKMM 2017



3. LATIHAN

3.1 Semua pegawai dan staf Pusat Sumber telah menghadiri pelbagai kursus sepanjang tahun 2017 anjuran KKMM dan juga dari luar kementerian bagi meningkatkan kompetensi walaupun pelaksanaan dasar berkursus tujuh hari setahun bagi semua penjawat awam telah ditangguhkan oleh JPA mulai 29 Februari 2016.

3.2 Latihan Industri

Pusat Sumber telah menerima dua orang pelajar untuk latihan industri dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor bermula pada 2 Februari hingga 30 Jun 2017 iaitu:

- i. Cik Nurul Shahirah binti Azmi pelajar Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpusakaan, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM).
- ii. Cik Nurshahira binti Musa pelajar Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan dan Pengurusan Pusat Sumber, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM).

4. KEWANGAN

Perbelanjaan Pusat Sumber di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan dari Januari hingga Disember 2017 adalah sebanyak RM74,414.05.

5. SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) TAHUN 2017
PUSAT SUMBER KKMM
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bil.	Ringkasan Aktiviti/Projek (Senaraikan aktiviti/projek)	Petunjuk Prestasi (Masa/Kuantiti/Kualiti/Kos)	Pencapaian (Januari – Disember 2017)
1.	Merancang, mengurus pentadbiran dan mengawal peruntukan kewangan tahunan Pusat Sumber	Masa Jan – Dis 2017 Kos RM99,950.00	Masa Jan – Dis 2017 Kos RM74,414.05 (74%) RM25,535.95 (26%) adalah lebihan: RM5,297.35 –Kekangan pembayaran akhir tahun 2017 (penutupan pesanan tempatan pada Nov 2017). Kontrak baru akan bermula pada 2018. RM6,035.02 - perolehan majalah luar Negara tidak dilaksana oleh sebab belum memperolehi kelulusan JK Perolehan Terbitan Luar Negara. RM3,420.20 -pengurangan naskah langganan akhbar (penjimatan) RM5,158.80 – penjimatan dari kerja pendigitan dengan kos yang lebih rendah RM5,681.50 –penjimatan kos perbelanjaan Aktiviti Pusat Sumber
2.	Merancang, mengurus dan memantap koleksi Pusat Sumber KKMM	Masa Jan – Dis 2017 Kuantiti Pemprosesan 13,720 bahan bercetak dan tidak bercetak:	Masa Jan – Dis 2017 Pemprosesan 21,096 bahan bercetak dan tidak bercetak:

	<p>-10,000 sumber rujukan bercetak</p> <p>-3,600 pengukuhan pangkalan data dalaman (katalog buku/pendigitan bahan/artikel majalah/suratkhabar</p> <p>- 120 judul (6,000 mukasurat) pendigitan Koleksi Jabatan</p> <p>Penjilidan majalah / koleksi khas - 20 judul</p> <p>3 Dasar Pusat Sumber KKMM</p> <p>Kos Jumlah: RM46,800.00 RM22,000.00 (OS27000) – terbitan bersiri (majalah/akhtar)</p> <p>RM21,200 (OS29000)- pendigitan</p> <p>RM3,600 –penjilidan</p>	<p>6,613 sumber rujukan bercetak</p> <p>14,483 pengukuhan pangkalan data dalaman (katalog buku/pendigitan bahan/artikel majalah/suratkhabar</p> <p>297 judul /12,486 muka surat</p> <p>Penjilidan majalah / koleksi khas - 62 judul (89 naskhah)</p> <p>Peringkat penyediaan-Draf Pertama</p> <p>Kos Jumlah: RM32,170.90 RM12,544.78 (OS27000) – terbitan bersiri : majalah (RM4,964.98) akhtar (RM7,579.80)</p> <p>RM16,041.20 (OS29000)</p> <p>RM3,584.92 –penjilidan</p>
--	--	--

3.	<p>Merancang dan mengurus aktiviti pendidikan pengguna dan galakan membaca</p>	<p>Masa Jan – Dis 2017</p> <p>Kuantiti</p> <p>24 aktiviti promosi galak guna Pusat Sumber 3 program sempena Hari Buku Sedunia, Hari Kebangsaan, Hari Pendidikan Pengguna</p> <p>4 Bengkel Literasi Maklumat/Sistem/Teknik Bacaan/Bercerita</p> <p>12 hebahan emel warga</p> <p>3 kali pameran bertema</p>	<p>Masa Jan – Dis 2017</p> <p>Kuantiti</p> <p>26 aktiviti promosi galak guna Pusat Sumber 1 Program Sambutan Hari Buku Sedunia (Jom Baca Untuk 10 minit & Bicara Buku) pada 25 April 2017 1 Program Hari Kebangsaan pada 29 Ogos – 16 Sept 2017 1 Program Hari Pendidikan Pengguna (Dis 2017)</p> <p>5 Bengkel Literasi Maklumat/Sistem/Teknik Bacaan/Bercerita :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bengkel Literasi Maklumat pada 26 April 2017 • Bengkel Teknik Bercerita pada 27 April 2017 • Bengkel Sistem ILMU pada 17 Ogos 2017 • Latihan Portal Pusat Sumber pada 5 September 2017 • Bengkel Literasi Maklumat Pusat Sumber pada 31 Oktober 2017 <p>12 hebahan emel warga</p> <p>Buku terpilih/sinopsis (312 buku) untuk hebahan dalam portal Pusat Sumber</p> <p>4 Pameran bertema:</p>
----	--	---	--

	<p>- aktiviti Library2U</p> <p>12 hebahan papan kenyataan KKMM</p> <p>Kualiti Peningkatan literasi maklumat dan budaya membaca warga KKMM</p> <p>Kos Jumlah: RM13,000.00 RM8,000.00 – Latihan (Makan minum/Bayaran penceramah (OS29000) RM5,000.00 – Bahan aktiviti/promosi (OS29000)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sempena Sambutan Hari Buku Sedunia • Pameran & Pempakejan Maklumat Kesihatan (24 Mei-16 Jun 2017) • Pameran Kemerdekaan (28 Ogos 2017-18 Sept. 2017) • Pameran Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan (1-30 Oktober 2017) <p>-2 aktiviti Library 2U pada</p> <ul style="list-style-type: none"> • 8 Jun 2017 di Ruang Menunggu Pejabat Ketua Setiausaha, Aras 35, Kompleks KKMM • Bhg. Khidmat Pengurusan pada 28 Julai 2017 <p>12 hebahan papan kenyataan KKMM (buku terpilih /sinopsis)</p> <p>Kos Jumlah: RM7,318.30 RM4,883.80 – Latihan (Makan minum/Bayaran penceramah (OS29000) RM2,434.50– Bahan aktiviti/promosi (OS29000)</p>	
4.	Merancang dan mengurus Perkhidmatan Rujukan Pusat Sumber bagi memenuhi keperluan Maklumat pelanggan	<p>Masa Jan-Dis 2017</p> <p>Kuantiti Pinjaman buku: 3,500 naskhah</p>	<p>Masa Jan – Dis 2017</p> <p>Kuantiti</p>

		<p>Peminjam buku 1,300 pembaca</p> <p>Surat Peringatan : 300 buku dipulangkan</p> <p>Capaian pangkalan data, portal dan Internet: 15,000 <i>hits</i></p> <p>Laporan tahunan : 1 (Dis 2017)</p> <p>Kajiselidik kepuasan pelanggan: 1 (Nov 2017)</p> <p>Kualiti Perkhidmatan yang mesra dan menepati keperluan pelanggan</p>	<p>Pinjaman buku: 3,744 naskhah</p> <p>Peminjam buku 3,367 pembaca</p> <p>51 buku dipulangkan (Jumlah buku 392 tidak dipulangkan sejak 2007 – 2016)</p> <p>Capaian pangkalan data, portal dan Internet: 22,516 <i>hits</i></p> <p>Dilaksanakan pada bulan Disember 2017</p> <p>Dilaksanakan pada bulan November 2017</p>
5.	Merancang dan mengurus sistem pengurusan bersepadu, portal dan dan pangkalan data langganan	<p>Masa Jan - Dis 2017</p> <p>Kuantiti 1 sistem pengurusan bersepadu</p> <p>1 sistem panel keselamatan</p>	<p>Masa Jan – Dis 2017</p> <p>3 kali selenggaraan</p> <p>1 kali selenggaraan</p>

	<p>2 pangkalan data langganan 1 kerja naiktaraf portal (Mei 2017)</p> <p>3,000 rekod kemaskini/cleaning</p> <p>Kualiti Sistem Pusat Sumber yang mudah diakses</p> <p>Kos Jumlah: RM40,150.00 Selenggara sistem RM21,200.00 (Dis 2016-Nov 2017/Dis 2017-Nov 2018) Selenggara panel keselamatan: RM850.00 (Okt 2017) Pangkalan Data Lawnet: RM1,100.00 (Nov 2017-Okt 2018) Pangkalan Data BLIS:RM11,700.00 (Jun 2017 – Mei 2018) Naiktaraf portal: RM5,300.00 (Mei-Okt 2017)</p>	<p>Naiktaraf portal selesai pada September 2017</p> <p>6,967 rekod telah dikemaskini/cleaning</p> <p>Kos Jumlah: RM34, 924.85 Selenggara sistem RM15, 892.05 Selenggara panel keselamatan: RM932.80 Pangkalan Data Lawnet: RM1,100.00 Pangkalan Data BLIS:RM11,700.00 Naiktaraf portal: RM5,300.00</p>
--	---	--

6. PENCAPAIAN

- 6.1. Pusat Sumber KKMM telah menerima kunjungan seramai 3,839 orang pengguna/pengunjung pada 2017. Jumlah kumulatif ahli Pusat Sumber adalah 3,474 orang di mana pada Januari-Disember 2017, keahlian baru adalah 58 orang.
- 6.2. Sebanyak 3,632 bahan koleksi Pusat Sumber telah dipinjam pada tahun 2017 oleh seramai 3,192 peminjam.
- 6.3. Bilangan penggunaan Internet dan pangkalan data di Pusat Sumber mencapai 17,470 hits iaitu penggunaan Internet (1,607), WebOpac (2,086), WebInfoline (1,613), Lawnet (93), BLIS (7,780). Penggunaan portal Pusat Sumber yang direkodkan pada 2017 adalah sebanyak 8,867 dan 17, 297 halaman telah dikunjungi oleh pengguna.
- 6.4. Bagi menambahkan sumber rujukan dalam bentuk digital, Pusat Sumber telah melaksanakan aktiviti pendigitan di mana sebanyak 297 judul bahan (12,486 muka surat) telah didigitalkan. Sebanyak 214 rekod buku, 291 artikel majalah dan 1,555 artikel akhbar telah didokumentasi dan boleh diakses melalui pangkalan data WebOpac dan WebInfoline.
- 6.5. Pada tahun 2017, Pusat Sumber tidak menerima peruntukan untuk pembelian buku disebabkan langkah penjimatan oleh Kementerian. Walaupun begitu, sebanyak 291 naskhah buku telah diperolehi oleh Pusat Sumber melalui hadiah menjadikan koleksi kumulatif berjumlah 57,763 (58,054) naskhah pada 2017. Sebanyak 6,676 bahan bacaan pula telah diproses meliputi buku, suratkhabar dan majalah.

STATISTIK BULANAN PUSAT SUMBER TAHUN 2017

BIL	OUTPUT (OBB)	BULAN												JUMLAH KESELURUHAN
		JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGS	SEPT	OCT	NOV	DIS	
1	Bil. bahan bacaan yang siap diproses													
	OBB 2016- 10,000													
	i.Buku	76	38	0	48	0	0	0	0	2	11	2	114	291
	ii.Suratkhabar	471	440	480	470	465	479	486	486	455	470	452	468	5622
	iii. Majalah	10	75	48	46	51	43	53	44	39	38	38	35	520
2	Bil.capaian portal Pusat Sumber, pangkalan data & internet													
	OBB 2016- 15,000													
	i.Portal													
	-Visit	899	844	386	263	231	334	968	714	639	295	345	231	6149
	-Page Views	1298	1246	621	491	388	542	614	1129	1020	526	664	328	8867
2	ii.LAWNET	5	3	6	9	11	9	8	6	10	2	19	5	93
	iii.BLIS	319	330	477	1328	878	562	632	954	551	558	562	629	7780
	iv.WEB OPAC													
	- Visit	64	61	45	30	16	16	38	67	48	75	67	43	570
	- Page Views	174	154	771	195	39	31	71	120	70	169	172	120	2086
2	vi.WEBINFOLINE													
	- Visit	8	21	18	15	6	16	18	24	30	53	31	23	263
	- Page Views	45	80	92	251	67	191	142	138	200	146	150	111	1613

	vii.Penggunaan internet	138	76	88	85	71	148	161	122	158	260	200	100	1607
													JUMLAH	29028
3	Bil.pengukuran pangkalan data dalaman													
	OBB 2016- 3,600													
	i.Katalog buku	69	52	7	0	3	0	10	8	2	1	15	47	214
	ii.Pendigitan bahan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	6243	6243		12486
	iii.Artikel -majalah	29	24	30	22	42	0	35	25	5	25	50	4	291
	iv.Artikel-surat khabar	66	132	194	244	150	114	100	104	81	160	127	83	1555
													JUMLAH	14546
4	Jumlah bahan rujukan dipinjam													
	OBB 2016- 3,500	341	321	401	381	297	245	291	392	250	325	261	127	3632
													JUMLAH	3632
5	Jumlah peminjam													
	OBB 2016- 1,300	304	289	355	345	260	210	252	327	228	297	220	105	3192
													JUMLAH	3192
6	Jumlah pengunjung	416	143	171	476	398	301	262	339	316	416	300	301	3839
													JUMLAH	3839
7	Kutipan denda	26	59.8	34.6	64.5	32.9	80.7	30.2	48.2	48.5	159	48.4	53.2	686
													JUMLAH	686
Key Performance Indicator (KPI)														

1	Jumlah bahan dipinjam setahun	341	321	401	381	297	245	291	392	250	325	261	127	3632
2	Jumlah peminjam	304	289	355	345	260	210	252	327	228	297	220	105	3192
3	Bil. Capaian Portal Pusat Sumber, Pangkalan Data & Internet	1979	1889	2055	2359	1454	1483	1628	2469	2009	1661	1767	1293	22,046

7. SISTEM DAN AUTOMASI

7.1 Sistem Perpustakaan

Perjanjian sistem ILMU untuk tahun 2017 melibatkan kos RM19,990.00 (tidak termasuk GST). Perjanjian ini melibatkan 3 kali Penyenggaraan Pencegahan (Preventive Maintenance), 1 kali Pemeriksaan Keupayaan Sistem (Sistem Health Check), 1 kali Sistem Semak Audit (Sistem Audit Check) dan 2 kali bengkel/latihan untuk kakitangan Pusat Sumber. Bagaimanapun bagi kes kerosakan kecil dan khidmat nasihat, tiada kos tambahan dikenakan terhadap Pusat Sumber.

7.2 Panel keselamatan

Untuk keselamatan bahan Pusat Sumber, sepasang pintu/ panel keselamatan telah diletakkan di pintu masuk laluan utama Pusat Sumber. Pada tahun 2017, 1 kali penyenggaraan panel keselamatan telah dilaksanakan melibatkan kos sebanyak RM 9.32.80 (termasuk GST) iaitu telah dibuat pada bulan Oktober 2017.

7.3 Jumlah peralatan komputer Pusat Sumber

Pusat Sumber mempunyai 1 unit projektor LCD (pinjaman tetap daripada BPM). 1 Unit diletakkan secara kekal di Bilik Komputer Pusat Sumber. Pusat Sumber juga mempunyai 71 unit komputer. Daripada jumlah tersebut 15 unit (kakitangan Pusat Sumber), 8 Unit (Sudut Siber) 37 unit (Bilik Latihan), 5 unit (Bilik Mesyuarat), 2 unit (Bilik Teknikal) dan masing- masing 1 unit (Sudut Web OPAC, Ruang Pengimbas Pentadbiran, Ruang Pengimbas Perkhidmatan dan Kaunter Pinjaman).

8. PENGURUSAN ASET DAN KEMUDAHAN

8.1

BIL	TARIKH	PERKARA	CATATAN/SUMBER
PENGURUSAN ASET			
1.	16-30 November 2017	Pemeriksaan Aset di Pusat Sumber oleh Pegawai Pemeriksa Aset Kementerian iaitu: Puan Pathma a/p Selvaraju dan Encik Zallie bin Mohd Shah, Bahagian Perancangan Strategik KKMM	Jumlah aset yang diperiksa sebanyak 331 meliputi: Harta modal - 45 unit Inventori - 286 unit

8.2 Penggunaan Bilik Latihan Pusat Sumber

Sepanjang tahun 2017, Pusat Sumber telah menerima sebanyak 43 tempahan dengan penggunaan bilik latihan sebanyak 105 hari dari bahagian/unit dalaman KKMM serta jabatan/agensi KKMM yang memerlukan makmal komputer bagi menjalankan bengkel/kursus.

9. AKTIVITI

Berikut adalah aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Pusat Sumber KKMM bagi tahun 2017:

- Program *Library To You (Library2U)***

Perkhidmatan berkonsepkan pameran dan pinjaman buku secara meja ke meja adalah untuk mempromosikan koleksi terkini Pusat Sumber di samping meningkatkan pinjaman bahan. Program ini telah diadakan pada 8 Jun di Ruang Menunggu Pejabat Ketua Setiausaha Kementerian dan 28 Julai di Bahagian Khidmat Pengurusan. Dianggarkan seramai 65 orang telah menjayakan kedua-dua program tersebut.

- Sambutan Hari Buku Sedunia 2017**

Program Sambutan Hari Buku Sedunia pada 23 April setiap tahun adalah bagi meraikan buku dan pembacaan di seluruh dunia anjuran oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi meraikan buku dan pembacaan di seluruh dunia. Hari tersebut disambut oleh lebih 100 negara di seluruh dunia dan Pusat Sumber KKMM meraikannya dengan menganjurkan pelbagai aktiviti. Pada tahun ini, sambutan Hari Buku

Sedunia telah disambut di peringkat kebangsaan pada 26 April 2017. dengan aktiviti seperti Jom Baca untuk 10 minit, Bicara Buku, Pertandingan Ulasan Buku, Kuiz Info Hunt. Seramai 126 orang pengunjung di kalangan warga KKMM telah melibatkan diri di dalam program ini.

- **Lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2017**

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur kali ke 36 ini telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 28 April hingga 7 Mei 2017 dengan tema “Negaraku: Kepintaran Kreatif Melakar Tamadun”. Bersempena dengan pesta buku tersebut, Pusat Sumber KKMM telah menganjurkan lawatan pada 4 Mei 2017 bertujuan untuk menggalakkan budaya membaca dan penyelidikan di kalangan warga KKMM serta memberi peluang kepada warga KKMM untuk mendapatkan buku terkini di samping menyokong industri penerbitan dan perbukuan tempatan. Seramai 31 orang peserta dari pelbagai bahagian dan unit KKMM telah menyertai lawatan ini.

- **Bengkel Teknik Bercerita**

Bengkel ini telah diadakan pada 27 April 2017 di Bilik Persidangan, Pusat Sumber. Seramai 17 orang peserta bengkel dari kementerian, jabatan dan agensi KKMM telah menyertai bengkel tersebut. Objektif bengkel ini adalah mempelajari teknik bercerita dalam memantapkan lagi kemahiran “softskill” warga KKMM disamping menggalakkan penggunaan bahan perpustakaan sebagai sumber rujukan dan pembacaan. Antara modul yang telah dilaksanakan dalam bengkel ini adalah Ber cerita dan Kecerdasan Emosi, Ber cerita Dalam Perkembangan Kanak-kanak, Latihan Dalam Kumpulan dan Kisah Monyet dan Gajah. Penceramah bengkel adalah adalah Puan Norashikin binti Hashim dari Mawaddah Edu Kids Sdn Bhd. & Genius Aulad Saujana Utama.

- **Hari Terbuka Pusat Sumber : Jom Sihat Bersama Pusat Sumber**

Program ini telah diadakan bermula 24 Mei hingga 26 Mei 2017 dengan objektif utama adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan dengan kepentingan gaya hidup sihat. Melalui program ini juga disediakan demonstrasi masakan sihat pada 24 Mei 2017 dan pemeriksaan kesihatan secara percuma dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Wilayah Persekutuan Putrajaya pada 26 Mei 2017. Selain itu terdapat juga pameran dan pempakejan maklumat kesihatan untuk rujukan pengunjung. Seramai 130 orang telah menjayakan program ini.

- **Pinjaman Kelompok Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)**

Pusat Sumber KKMM telah mengambil inisiatif untuk menjadi ahli pinjaman kelompok Perpustakaan Negara Malaysia bermula pada bulan Jun 2016. Pada tahun 2017, sebanyak 300 bahan lagi telah dipinjam di Unit Pinjaman Kelompok, PNM selama 6 bulan dengan tujuan untuk menambahkan koleksi bahan pinjaman dan untuk memberi lebih pilihan serta kepelbagaian bahan kepada pengguna bagi menarik minat mereka mengunjungi Pusat Sumber.

- **Program Literasi Maklumat**

Pada 17 Ogos 2017 , Pusat Sumber telah mengadakan Bengkel Literasi Maklumat (Sistem ILMU) dengan keutamaan kepada staf Pusat Sumber untuk memantapkan pengetahuan dan pengalaman dalam perkhidmatan perpustakaan serta promosi Pusat Sumber. Seramai 20 orang telah menyertai bengkel ini termasuk dari perpustakaan jabatan dan agensi KKMM serta perpustakaan sekitar Presint 4, Putrajaya. Bengkel Literasi Maklumat: Portal dan Pangkalan Data Ookbee Buffet merupakan program literasi yang kedua telah dijalankan pada 31 Oktober 2017. Bengkel kali ini terbahagi kepada dua slot. Slot pertama lebih kepada mendapatkan penilaian warga kkmm mengenai Pangkalan Data Ookbee Buffet untuk dilanggan oleh Pusat Sumber dengan penceramah yang dijemput daripada Kumpulan Media Karangkarf. Manakala slot kedua pula dikendalikan oleh Penolong Pustakawan 1 yang memperkenalkan kepada peserta berkaitan portal baharu Pust Sumber.

- **Portal Baharu Pusat Sumber KKMM**

Langkah untuk mengukuhkan Portal Pusat Sumber ke arah yang lebih “trendy” dan mesra pengguna sama ada dari segi antaramuka, kandungan dan ciri keselamatan telah diambil memandangkan portal sedia ada telah dibangunkan sejak tahun 2007. Pusat Sumber telah melancarkan portal baharu pada 26 September 2017 di laman web <http://pusatsumber.kkmm.gov.my> dengan objektif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pengguna, menggalakkan penggunaan perkhidmatan atas talian serta menggalakkan budaya penyelidikan dan pembacaan secara keseluruhannya. Bersempena dengan pengukuhan portal baharu ini , Pusat Sumber juga telah mengadakan Latihan Portal Pusat Sumber pada 5 September 2017 di Bilik Latihan Pusat Sumber untuk memberi pendedahan kepada para pegawai yang terlibat bagi memudahkan urusan mengemaskini maklumat dalam portal baharu tersebut.

- **Pameran bertema Pusat Sumber**

Pada tahun 2017, sebanyak empat pameran bertema telah dilaksanakan iaitu :

- Pameran sempena Sambutan Hari Buku Sedunia sepanjang April 2017
 - Pameran & Pempakejan Maklumat Kesihatan pada 24 Mei hingga 16 Jun 2017
 - Pameran Kemerdekaan : Perjuangan 446 dan Kuiz Sejarah Kemerdekaan (Jom Uji Minda) bermula 28 Ogos 2017 hingga 18 September 2017
 - Pameran sempena Bulan Bahasa Kebangsaan mulai 1 hingga 30 Oktober 2017
- **Perkhidmatan Maklumat Pusat Sumber**
Sebanyak 24 hebahan telah dibuat meliputi maklumat dan aktiviti Pusat Sumber, pameran dan koleksi buku terkini yang terdapat di Pusat Sumber. Sepanjang tahun 2017, artikel terpilih berkaitan pengurusan dan kepimpinan juga telah diedarkan melalui emel kepada kumpulan Pengurusan KKMM.